

**PENILAIAN KE ATAS MODEL POLITIK  
PENGGABUNGAN DALAM SISTEM POLITIK  
MALAYSIA**

**AIZATIE NAJMIN BINTI SULAIMAN**

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**2025**

**PENILAIAN KE ATAS MODEL POLITIK  
PENGGABUNGAN DALAM SISTEM POLITIK  
MALAYSIA**

**oleh**

**AIZATIE NAJMIN BINTI SULAIMAN**

**Tesis ini diserahkan untuk  
memenuhi keperluan bagi  
Ijazah Sarjana Sains Kemasyarakatan**

**September 2025**

## PENGHARGAAN

### *“Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani”*

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT atas segala rahmat, kekuatan dan ilham yang dikurniakan sehingga saya berjaya menyiapkan tesis ini. Setiap langkah dalam penyelidikan ini tidak akan tercapai tanpa izin-Nya serta sokongan pelbagai pihak yang amat saya hargai. Setinggi-tinggi penghargaan saya rakamkan kepada Professor Dato' Dr. Sivamurugan Pandian, penyelia yang bukan sahaja memberikan tunjuk ajar dan panduan sepanjang penyelidikan, malah turut memberi kepercayaan penuh kepada saya untuk meneroka dan menyiapkan kajian ini. Jutaan terima kasih diucapkan kepada pensyarah Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan atas nasihat dan memberi pengajaran yang berguna dalam menyiapkan tesis ini. Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada kedua ibu bapa saya, Sulaiman bin Samsudin dan Ryta binti Romali, atas segala doa dan sokongan moral yang tidak pernah putus dalam menemani perjalanan saya sebagai pelajar dan penulis tesis ini. Sekalung penghargaan istimewa buat sahabat baik saya, Nur Adlina Isma Binti Mohd Nasir yang banyak membantu saya dari awal hingga akhir proses penyelidikan ini bukan sahaja dari segi teknikal dan akademik, tetapi juga sebagai teman yang setia memberi semangat ketika saya hampir berputus asa. Saya turut menghargai jasa para informan yang sudi meluangkan masa berkongsi pandangan dan pengalaman dalam sesi temu bual, sumbangan anda semua adalah nadi utama kepada keberhasilan kajian ini. Tidak lupa juga ahli keluarga yang terus menjadi sumber kekuatan, baik secara langsung mahupun tidak langsung, dalam memberi dorongan dan kata-kata semangat yang tidak ternilai harganya. Akhir sekali, saya serahkan segala usaha ini sebagai tanda kecil pengabdian kepada ilmu dan masyarakat. Semoga tesis ini membawa manfaat dan menjadi amal jariah yang berkekalan.

**Aizatie Najmin Sulaiman**

Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan

Universiti Sains Malaysia

## SENARAI KANDUNGAN

|  |            |
|--|------------|
| <b>PENGHARGAAN .....</b>                           | <b>ii</b>  |
| <b>SENARAI KANDUNGAN .....</b>                     | <b>iii</b> |
| <b>SENARAI JADUAL .....</b>                        | <b>ix</b>  |
| <b>SENARAI SINGKATAN.....</b>                      | <b>x</b>   |
| <b>ABSTRAK .....</b>                               | <b>xi</b>  |
| <b>ABTRACT.....</b>                                | <b>xii</b> |
| <b>BAB 1 PENGENALAN .....</b>                      | <b>1</b>   |
| 1.1 Pendahuluan .....                              | 1          |
| 1.2 Latar Belakang Kajian .....                    | 1          |
| 1.2.1 Ketidakstabilan Politik selepas PRU-14 ..... | 3          |
| 1.2.2 Sejarah Politik Gabungan di Malaysia .....   | 5          |
| 1.3 Permasalahan Kajian .....                      | 6          |
| 1.4 Keaslian Kajian .....                          | 9          |
| 1.5 Objektif Kajian .....                          | 10         |
| 1.6 Persoalan Kajian .....                         | 10         |
| 1.7 Skop dan Batasan Kajian .....                  | 13         |
| 1.7.1 Batasan Kajian .....                         | 13         |
| 1.7.2 Batasan Analisis Kajian .....                | 13         |
| 1.8 Kepentingan Kajian .....                       | 13         |

|              |  |           |
|--------------|--|-----------|
| 1.9          | Sumbangan Kajian .....   | 16        |
| 1.10         | Organisasi Tesis .....   | 17        |
| 1.11         | Kesimpulan .....   | 20        |
| <b>BAB 2</b> | <b>KAJIAN LITERATUR .....</b>  | <b>21</b> |
| 2.1          | Pendahuluan .....  | 21        |
| 2.2.         | Kerangka Awal Sistem Politik Malaysia .....                          | 22        |
| 2.2.1        | Sejarah Politik Gabungan di Malaysia .....                           | 23        |
| 2.3          | Evolusi Sejarah Politik Gabungan di Malaysia (1955–2022) .....       | 24        |
| 2.3.1        | Evolusi Sejarah Politik Gabungan di Malaysia (1955–2022).....        | 25        |
| 2.3.2        | Era II (1990): Munculnya Gabungan Alternatif – APU dan GR .....      | 26        |
| 2.3.3        | Era III (1999): Era Reformasi dan Barisan Alternatif (BA) .....      | 27        |
| 2.3.4        | Era IV (2008): Pakatan Rakyat dan Politik Lima Negeri .....          | 28        |
| 2.3.5        | Era V (2018): Kejatuhan BN dan Pemerintahan PH .....                 | 29        |
| 2.3.6        | Era VI (2022): Kerajaan Perpaduan dan Gabungan Rentas Ideologi ..... | 31        |
| 2.4          | Pembentukan Gabungan Politik .....                                   | 32        |
| 2.5          | Sejarah Pembangunan Kerajaan Perpaduan .....                         | 39        |
| 2.6          | Sejarah integrasi politik .....                                      | 40        |
| 2.7          | Kedinamikan Politik Sabah .....                                      | 42        |
| 2.8          | Landskap Politik Sarawak .....                                       | 44        |

|              |   |           |
|--------------|---|-----------|
| 2.9          | Kerangka Teori .....  | 47        |
| 2.9.1        | Teori Pilihan Awam .....                                    | 48        |
| 2.9.2        | Kritikan Terhadap Teori Pilihan Awam .....                  | 51        |
| 2.9.3        | Indikator Keberkesanan Parti Gabungan .....                 | 52        |
| 2.10         | Perbandingan Serantau .....                                 | 56        |
| 2.10.1       | Indonesia dan Thailand .....                                | 56        |
| 2.10.2       | Jerman: Federalisme, Konsensus dan Kestabilan Gabungan..... | 59        |
| 2.10.3       | India: Politik Serantau dan Cabaran Gabungan Nasional ..... | 61        |
| 2.11         | Kesimpulan .....  | 65        |
| <b>BAB 3</b> | <b>KAEDAH PENYELIDIKAN.....</b>                             | <b>66</b> |
| 3.1          | Pendahuluan .....   | 66        |
| 3.2          | Reka Bentuk Kajian .....                                    | 66        |
| 3.3          | Kajian Kualitatif .....                                     | 67        |
| 3.4          | Persampelan .....   | 69        |
| 3.4.1        | Rancangan Persampelan Awal .....                            | 69        |
| 3.4.2        | Pelaksanaan Sebenar Persampelan .....                       | 70        |
| 3.5          | Kriteria Pemilihan Sampel .....                             | 73        |
| 3.5.1        | Pendekatan Perbincangan Kumpulan Fokus (FGD) .....          | 73        |

|              |   |           |
|--------------|---|-----------|
| 3.5.2        | Temu bual Mendalam (In-Depth Interview – IDI) .....   | 74        |
| 3.5.3        | Kekurangan Penyertaan Wanita Dalam Kajian .....       | 76        |
| 3.6          | Kaedah Temu bual .....                                | 77        |
| 3.7          | Lokasi Kajian .....                                   | 77        |
| 3.8          | Tempoh dan Pelaksanaan Kerja Lapangan.....            | 78        |
| 3.8.1        | Cabaran Kerja Lapangan .....                          | 79        |
| 3.9          | Prosedur Pengumpulan Data .....                       | 80        |
| 3.10         | Prosedur Analisis Data .....                          | 81        |
| <b>BAB 4</b> | <b>DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN.....</b>           | <b>83</b> |
| 4.1          | Pendahuluan .....                                     | 83        |
| 4.2          | Demografi Informan .....                              | 84        |
| 4.2.1        | Jantina .....   | 85        |
| 4.2.2        | Taburan Informan Mengikut Negeri .....                | 86        |
| 4.2.3        | Latar Belakang Politik Informan .....                 | 87        |
| 4.2.4        | Pecahan Blok Politik Informan.....                    | 89        |
| 4.2.5        | Peralihan kepada tema-tema utama dapatan kajian ..... | 90        |
| 4.3          | Pembentukan Gabungan Politik dan Dinamika Kuasa ..... | 90        |
| 4.3.1        | Ketidakstabilan Gabungan .....                        | 90        |

|       |   |     |
|-------|---|-----|
| 4.3.2 | Tiada Dominasi Mutlak dalam Gabungan .....                          | 94  |
| 4.4   | Keperluan Gabungan dan Cabaran Kepelbagaian Parti .....             | 98  |
| 4.4.1 | Gabungan sebagai kompromi .....                                     | 98  |
| 4.5   | Keperluan Memperjuangkan Agenda .....                               | 104 |
| 4.5.1 | Mengurangkan Jurang Insfrastruktur Asas .....                       | 105 |
| 4.5.2 | Kestabilan Politik sebagai Asas Kemajuan Negara .....               | 107 |
| 4.6   | Kematangan Politik dan Aspirasi Rakyat .....                        | 112 |
| 4.6.1 | Tahap Kematangan Politik Rakyat Berbeza .....                       | 113 |
| 4.6.2 | Kelemahan Pengurusan Sentimen Rakyat .....                          | 115 |
| 4.6.3 | Keperluan Pendidikan Politik .....                                  | 116 |
| 4.6.4 | Aspirasi Politik Rakyat .....                                       | 117 |
| 4.7   | Kelemahan Model Politik Gabungan .....                              | 118 |
| 4.7.1 | Lompat Parti sebagai Punca Ketidakstabilan .....                    | 119 |
| 4.7.2 | Keraguan terhadap Model Kerajaan Perpaduan .....                    | 121 |
| 4.7.3 | Tiada Hala Tuju dan Kepentingan Diri dalam Politik Gabungan .....   | 122 |
| 4.7.4 | Ketidakyakinan Terhadap Dominasi .....                              | 125 |
| 4.8   | Ketidakseimbangan Kuasa dalam Politik Gabungan .....                | 127 |
| 4.9   | Kestabilan Gabungan Politik Sarawak dan Dinamika Politik Kaum ..... | 130 |

|              |   |            |
|--------------|---|------------|
| 4.9.1        | Politik Kaum dan Keseimbangan dalam Naratif Politik .....   | 132        |
| 4.9.2        | Konteks Global dan Faktor Luar .....                        | 134        |
| 4.9.3        | Pelaksanaan Manifesto dan Janji Politik .....               | 135        |
| 4.9.4        | Komponen Penting dalam Gabungan Politik .....               | 137        |
| 4.10         | Kepimpinan Masa Depan dan Harapan Baharu .....              | 139        |
| 4.10.1       | Keberkesanan Model Politik Gabungan Sedia Ada .....         | 141        |
| 4.11         | Kesimpulan .....  | 143        |
| <b>BAB 5</b> | <b>PENUTUP .....</b>  | <b>146</b> |
| 5.1          | Pengenalan .....  | 147        |
| 5.2          | Pencapaian Objektif Kajian .....                            | 147        |
| 5.3          | Hasil Penemuan Utama dan Rumusan Kajian .....               | 149        |
| 5.3.1        | Perspektif Teori Pilihan Awam terhadap Dapatan Kajian ..... | 153        |
| 5.3.2        | Refleksi Dapatan dan Cadangan Penambahbaikan .....          | 155        |
| 5.4          | Implikasi Kajian dan Cadangan Dasar .....                   | 158        |
| 5.4.1        | Kepimpinan Politik dan Institusi .....                      | 159        |
| 5.4.2        | Kesedaran dan Kematangan Politik .....                      | 160        |
| 5.4.3        | Cadangan Dasar: Pengukuhan Struktur Politik Gabungan .....  | 161        |
| 5.4.4        | Keperluan Pembangunan Model Gabungan Politik Baharu .....   | 162        |

|                              |                                    |            |
|------------------------------|------------------------------------|------------|
| 5.5                          | Sumbangan Kajian .....             | 164        |
| 5.6                          | Cadangan Kajian Masa Hadapan ..... | 165        |
| 5.7                          | Sumber dan Analisis Data .....     | 167        |
| 5.7.1                        | Skop Kajian .....                  | 167        |
| 5.7.2                        | Pendekatan Metodologi .....        | 168        |
| 5.7.3                        | Subjek Kajian .....                | 168        |
| 5.8                          | Kesimpulan .....                   | 169        |
| <b>SENARAI RUJUKAN .....</b> |                                    | <b>171</b> |

## **LAMPIRAN**

## SENARAI JADUAL

|            | <b>Halaman</b>   |
|------------|--|
| Jadual 1.1 | Ringkasan objektif dan persoalan kajian ..... 11               |
| Jadual 3.1 | Langkah pelaksanaan kajian ..... 73                            |
| Jadual 4.1 | Demografi Informan: Taburan Informan Mengikut Jantina ..... 86 |
| Jadual 4.2 | Demografi informan: Taburan Informan Mengikut Negeri ..... 87  |
| Jadual 4.3 | Demografi informan: Latar Belakang Politik Informan ..... 88   |
| Jadual 4.4 | Demografi informan: Pecahan Blok Politik Informan ..... 89     |

## SENARAI SINGKATAN

|         |  |
|---------|--|
| PRU     | Pilihan Raya Umum                          |
| PRU14   | Pilihan Raya Umum ke-14                    |
| PRU15   | Pilihan Raya Umum ke-15                    |
| UMNO    | <i>United Malays National Organisation</i> |
| MCA     | <i>Malaysian Chinese Association</i>       |
| MIC     | <i>Malaysian Indian Congress</i>           |
| PBB     | Parti Pesaka Bumiputera Bersatu            |
| STAR    | Parti Solidariti Tanah Airku               |
| WARISAN | Parti Warisan Sabah                        |
| DEB     | Dasar Ekonomi Baru                         |
| RMK-13  | Rancangan Malaysia Ke-13                   |
| SDG-16  | <i>Sustainable Development Goal 16</i>     |
| CSA     | <i>Confidence and Supply Agreement</i>     |
| IDI     | <i>In-Depth Interview</i>                  |
| FGD     | <i>Focus Group Discussion</i>              |
| FPTP    | <i>First-Past-The-Post</i>                 |

# **PENILAIAN KE ATAS MODEL POLITIK PENGGABUNGAN DALAM SISTEM POLITIK MALAYSIA**

## **ABSTRAK**

Ketidakstabilan politik pasca Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14) telah mengubah corak pemerintahan Malaysia, dengan kemuncaknya pada PRU15 yang menghasilkan Parlimen tergantung dan pembentukan kerajaan perpaduan pertama dalam sejarah negara. Kajian ini menilai keberkesanan model politik gabungan pasca PRU15 dengan meneliti faktor yang mempengaruhi kestabilan, kerjasama dan keberfungsian gabungan politik di Malaysia. Berpaksikan kerangka Teori Pilihan Awam, kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui temu bual separa berstruktur melibatkan 31 informan utama daripada pelbagai blok politik di Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Hasil analisis menunjukkan bahawa kerajaan perpaduan berjaya mewujudkan kestabilan jangka pendek, namun berdepan cabaran dalam penyelarasan dasar, perbezaan ideologi dan defisit kepercayaan antara parti. Ketiadaan piagam bersama, dominasi entiti tertentu dan struktur gabungan yang kabur dikenal pasti sebagai faktor utama yang menjejaskan keberkesanan pentadbiran. Kajian ini menyumbang kepada pengukuhan wacana politik gabungan di negara berbilang kaum serta menawarkan kerangka alternatif yang lebih inklusif dan strategik bagi pembentukan gabungan masa hadapan.

# **EVALUATION OF THE COALITION POLITICS MODEL IN THE MALAYSIAN POLITICAL SYSTEM**

## **ABSTRACT**

The political instability following Malaysia's 14th General Election (GE14) reshaped the country's governance structure, culminating in a hung parliament after GE15 and the formation of Malaysia's first unity government. This study evaluates the effectiveness of the coalition political model in the post-GE15 period by examining the factors that influence stability, cooperation, and functional governance within political coalitions. Grounded in the framework of Public Choice Theory, the research adopts a qualitative approach through semi-structured interviews with 31 key informants from various political blocs across Peninsular Malaysia, Sabah, and Sarawak. The findings reveal that while the unity government has succeeded in achieving short-term stability, it faces significant challenges in policy coordination, ideological divergence, and inter-party trust. The absence of a formal charter, dominance of certain actors, and the ambiguous structure of coalition management were identified as key impediments to effective governance. This study contributes to the discourse on coalition politics in multi-ethnic societies and offers an alternative framework for building more inclusive and strategic political coalitions in the future.

# **BAB 1**

## **PENGENALAN**

### **1.1 Pendahuluan**

Sejak Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14) yang diadakan pada 9 Mei 2018, landskap politik Malaysia telah mengalami perubahan dramatik apabila struktur pemerintahan dominan selama lebih enam dekad mula runtuh. Dalam tempoh lima tahun selepasnya, negara menyaksikan pertukaran empat kerajaan iaitu satu fenomena luar biasa dalam sejarah politik pasca-merdeka Malaysia. Dua daripada pentadbiran ini berakhir lebih awal akibat konflik dalaman, kerapuhan struktur gabungan, serta tindakan keluar parti yang mencetuskan krisis legitimasi dan tadbir urus (Welsh, 2022; Ostwald, 2023).

Situasi ini memberi kesan langsung terhadap keupayaan kerajaan dalam menangani cabaran besar seperti pandemik COVID-19, ketidaktentuan ekonomi global dan tekanan sosial domestik. Ketidakstabilan politik yang berlarutan turut menghakis keyakinan pelabur dan menjejaskan kepercayaan rakyat terhadap institusi demokrasi, sekali gus mencetuskan keperluan mendesak untuk membentuk model pemerintahan yang lebih kukuh dan mampan (Ufen, 2020; Pepinsky, 2009).

### **1.2 Latar Belakang Kajian**

Kajian ini membincangkan evolusi dan cabaran politik gabungan di Malaysia, dengan tumpuan khusus kepada pembentukan kerajaan perpaduan selepas Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU15). Fokus utama kajian adalah untuk menilai strategi yang digunakan oleh parti-parti politik dalam membentuk dan mengekalkan gabungan yang stabil, khususnya

menerusi pendekatan konsosionalisme, kerjasama antara etnik, serta model pentadbiran inklusif. Pembentukan kerajaan perpaduan pada November 2022 menandakan satu titik perubahan penting dalam sejarah politik Malaysia, apabila parti-parti politik yang sebelum ini bersaing bertindak membentuk satu pentadbiran bersama. Perkembangan ini mencerminkan keperluan kepada kompromi strategik dalam suasana politik yang semakin berpecah dan tidak menentu (Welsh, 2022).

Kajian ini turut mengambil kira bagaimana sistem politik Malaysia yang berasaskan gabungan memainkan peranan dalam menyatukan pelbagai kumpulan etnik, agama dan ideologi di bawah satu struktur pentadbiran. Dalam konteks ini, pendekatan konsosionalisme seperti yang digariskan oleh Lijphart (1999) menjadi kerangka yang sesuai untuk memahami bagaimana kestabilan politik dapat dicapai menerusi perkongsian kuasa antara pelbagai pihak. Lijphart menegaskan bahawa kestabilan dalam masyarakat majmuk hanya boleh dicapai melalui kerjasama elite, autonomi kumpulan, perkadaran dalam agihan sumber dan konsensus dasar antara wakil pelbagai komuniti. Dalam kerangka ini, kerajaan perpaduan Malaysia pasca PRU15 menjadi medan eksperimen terhadap aplikasi praktikal prinsip-prinsip tersebut dalam konteks Asia Tenggara.

Melalui kajian ini, turut digariskan ialah implikasi politik gabungan terhadap kestabilan negara dan keupayaan kerajaan perpaduan untuk menangani cabaran sosio-ekonomi yang mendesak, termasuk krisis kos sara hidup, pemulihan pasca pandemik dan tekanan geopolitik serantau. Kajian ini diharapkan dapat memberi gambaran bagaimana strategi politik gabungan yang dinamik dan inklusif mampu menyumbang kepada kestabilan politik dan keberkesanan pentadbiran di Malaysia. Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk memberikan sumbangan kepada literatur sedia ada mengenai politik

gabungan serta menjadi asas rujukan dalam merangka strategi pentadbiran yang lebih berdaya tahan, responsif dan bersifat inklusif pada masa hadapan.

### **1.2.1 Ketidakstabilan Politik selepas PRU-14**

Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14) yang diadakan pada 9 Mei 2018 merupakan satu titik perubahan besar dalam sejarah politik Malaysia. Buat pertama kalinya sejak merdeka, Barisan Nasional (BN) yang telah memerintah negara selama lebih enam dekad tidak lagi berjaya membentuk kerajaan Persekutuan apabila gabungan pembangkang, Pakatan Harapan (PH), memperoleh majoriti. Perubahan drastik ini mencetuskan beberapa kesan utama, termasuk ketidakstabilan politik yang berterusan (Nadzri, 2023).

PRU14 menyaksikan BN kehilangan majoriti akibat kebangkitan isu seperti skandal 1MDB, kelembapan ekonomi dan kos sara hidup yang meningkat. Pakatan Harapan, di bawah pimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad, berjaya menarik sokongan besar berdasarkan janji-janji reformasi (Gomez et al., 2020). Walau bagaimanapun, perbezaan ideologi dalam kalangan parti komponen menyebabkan gabungan ini sukar dikekalkan.

Selepas hanya 22 bulan memerintah, kerajaan PH berakhir pada Februari 2020 berikutan peristiwa yang dikenali sebagai Langkah Sheraton (Ahmad Faezal, 2020). Peristiwa ini melibatkan ahli Parlimen dari PH yang beralih sokongan kepada gabungan baharu, Perikatan Nasional (PN), yang diterajui oleh Tan Sri Muhyiddin Yassin. Kerajaan PN yang dibentuk dengan majoriti tipis turut

mengalami ketidakstabilan dan akhirnya, pada Ogos 2021, Tan Sri Muhyiddin meletakkan jawatan. Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob daripada BN kemudiannya dilantik sebagai Perdana Menteri, menjadikan ini kerajaan ketiga dalam tempoh tiga tahun (Welsh, 2022).

Ketidakstabilan ini menandakan permulaan era baru dalam politik Malaysia, dengan corak persaingan yang lebih terbuka dan tidak lagi didominasi oleh satu gabungan tunggal. Gabungan seperti Pakatan Harapan, Perikatan Nasional dan Barisan Nasional mula bersaing dengan lebih sengit. Sementara itu, blok politik dari Sabah dan Sarawak, seperti Gabungan Parti Sarawak (GPS) dan Gabungan Rakyat Sabah (GRS), memainkan peranan penting dalam menentukan kestabilan kerajaan Persekutuan.

Ketidakstabilan ini menjejaskan keberkesanan penggubalan dan pelaksanaan dasar kerajaan. Perubahan kepimpinan yang kerap menyukarkan pelaksanaan agenda jangka panjang, termasuk reformasi institusi dan pemulihan ekonomi. Pada masa yang sama, rakyat mula hilang kepercayaan terhadap kestabilan politik dan keupayaan pemimpin untuk mentadbir secara konsisten.

Meskipun mencabar, ia juga membuka peluang untuk reformasi. Pembentukan kerajaan perpaduan selepas PRU-15, dipimpin oleh Datuk Seri Anwar Ibrahim, mencerminkan keperluan kompromi politik. Usaha seperti dasar "Malaysia MADANI" bertujuan untuk mengembalikan keyakinan rakyat dengan menekankan kesejahteraan, keadilan dan pembangunan mampan.

Ketidakstabilan politik selepas PRU-14 menunjukkan bahawa landskap politik Malaysia telah memasuki fasa baru yang lebih dinamik tetapi tidak menentu. Ia mencerminkan kehendak pengundi yang lebih kritikal dan perpecahan dalam landskap politik. Walaupun begitu, ia juga menawarkan peluang untuk reformasi sistemik dan politik inklusif, dengan syarat kestabilan dapat dikembalikan melalui kerjasama dan kepercayaan antara parti.

### **1.2.2 Sejarah Politik Gabungan di Malaysia**

Evolusi politik gabungan di Malaysia telah melalui beberapa fasa penting sejak kemerdekaan. Bermula dengan Perikatan pada tahun 1957 yang menggabungkan Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO), *Malaysian Chinese Association* (MCA) dan *Malaysian Indian Congress* (MIC), gabungan ini kemudiannya diperluas menjadi Barisan Nasional (BN) pada 1973. Dominasi BN berterusan selama lebih enam dekad sehingga kemunculan cabaran serius oleh pembangkang melalui Angkatan Perpaduan Ummah (APU) dan Gagasan Rakyat (GR) pada 1990, diikuti Barisan Alternatif (BA) pada 1999 dan Pakatan Rakyat (PR) pada 2008 (Case, 1993; Welsh, 2022).

Perubahan paling dramatik berlaku pada Pilihan Raya Umum ke-14 (9 Mei 2018), apabila Pakatan Harapan (PH) berjaya menamatkan pemerintahan BN. Namun, selepas hanya 22 bulan, kerajaan PH berakhir pada Februari 2020 berikutan peristiwa Langkah Sheraton yang menyaksikan pengunduran Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) dan pelantikan Tan Sri Muhyiddin Yassin sebagai Perdana Menteri melalui gabungan baharu, Perikatan Nasional (PN) (Ufen, 2020; Gomez et al., 2020).

PRU15 yang berlangsung pada 19 November 2022 tidak memberikan mandat majoriti kepada mana-mana blok utama, sekali gus mencetuskan situasi parlimen tergantung buat kali pertama. Kerajaan perpaduan yang dibentuk selepas rundingan membabitkan PH, BN, GPS, GRS dan beberapa parti kecil mencerminkan transformasi baharu dalam sejarah politik gabungan negara dari dominasi satu parti kepada struktur rentas pakatan (Wong, 2023).

### **1.3 Permasalahan Kajian**

Pilihan Raya Umum (PRU) merupakan komponen asas dalam sistem demokrasi berparlimen di Malaysia yang memberikan kuasa kepada rakyat untuk memilih wakil secara berkala. Dalam sejarah politik negara, PRU sering menjadi cerminan kepada perubahan corak sokongan rakyat dan arah tuju pemerintahan negara. Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU15) yang berlangsung pada 19 November 2022 mencatat sejarah apabila tiada satu pun parti atau gabungan politik yang berjaya memperoleh majoriti mudah (112 kerusi), sekali gus menyaksikan Parlimen tergantung buat pertama kalinya. Keputusan ini menandakan transformasi besar dalam landskap politik negara dan menjadi penanda aras kepada bentuk kerajaan baharu yang terbentuk melalui kompromi politik dan kerjasama lintas gabungan (Chin, 2023; Pandian, 2023).

Hasil rundingan pasca PRU15 membawa kepada pembentukan kerajaan perpaduan yang diterajui oleh Dato' Seri Anwar Ibrahim pada 24 November 2022, melibatkan gabungan pelbagai parti seperti Pakatan Harapan (PH), Barisan Nasional (BN), Gabungan Parti Sarawak (GPS), Gabungan Rakyat Sabah (GRS), Warisan serta beberapa parti kecil

lain. Dalam keadaan ini, Perikatan Nasional (PN) kekal sebagai pembangkang rasmi. Pembentukan kerajaan perpaduan ini telah mencabar model pemerintahan tradisional Malaysia yang sebelum ini berasaskan dominasi satu gabungan politik. Kini, gabungan merentasi ideologi menjadi satu keperluan untuk membentuk kerajaan yang berfungsi.

PRU15 turut memperlihatkan kemunculan enam gabungan utama iaitu PH, PN, BN, GPS, GRS dan Gerakan Tanah Air (GTA) (Chin, 2023). Situasi ini memaksa semua pihak mempertimbangkan penyelesaian yang lebih pragmatik bagi mengelakkan krisis perlembagaan dan membentuk pentadbiran yang stabil. Konsep kerajaan perpaduan, berbeza daripada kerajaan campuran, menuntut penyertaan hampir semua parti utama tanpa pembangkang rasmi iaitu satu bentuk kerjasama yang mencabar dari sudut ideologi dan kesepaduan prinsip (Weiss, 2018; Case, 2002). Dalam konteks ini, persoalan timbul mengenai keberkesanan struktur baharu ini dalam membentuk dasar bersama, mengurus konflik dalaman dan mengekalkan legitimasi rakyat.

Tambahan pula, kebergantungan parti politik dari Semenanjung terhadap sokongan blok Borneo iaitu Sabah dan Sarawak dalam pembentukan kerajaan pusat mencerminkan keperluan kepada keseimbangan kuasa antara wilayah. Gabungan seperti GPS dan GRS tidak hanya dilihat sebagai 'kingmaker', tetapi turut menjadi penentu kepada hala tuju dasar nasional. Fenomena ini sejajar dengan gagasan konsosionalisme yang diperkenalkan oleh Lijphart (1969) yang menekankan pentingnya kerjasama rentas etnik dan geografi dalam membentuk kestabilan jangka panjang dalam negara majmuk seperti Malaysia.

Model kerajaan perpaduan juga bukanlah satu cadangan asing apabila Tun Dr. Mahathir Mohamad pernah mencadangkan bentuk gabungan seumpama ini selepas kejatuhan kerajaan PH pada 2020, mengusulkan “kerajaan tanpa pembangkang” yang

menghimpunkan semua parti bagi membentuk ‘gabungan besar’ demi kelangsungan pentadbiran dan kestabilan (Case, 2019). Namun, idea tersebut juga menimbulkan persoalan tentang penghakisan semak dan imbang, serta potensi dominasi politik oleh elit gabungan.

Secara sejarah, gabungan politik di Malaysia telah melalui pelbagai fasa bermula dengan Perikatan, diikuti oleh Barisan Nasional yang memerintah lebih 60 tahun, kemudiannya Pakatan Harapan yang berkuasa selama 22 bulan dan Perikatan Nasional selepas itu (Maznah Mohamad, 2019). Setiap perubahan ini menunjukkan bahawa politik gabungan telah menjadi struktur kekal dalam politik Malaysia. Namun, perubahan struktur ini belum sepenuhnya menjamin kestabilan kerana kegagalan menyusun semula hubungan kuasa dan prinsip kerjasama dalam gabungan yang terbentuk secara mendadak pasca pilihan raya.

Dalam konteks ini, kajian ini memberi tumpuan kepada pengalaman politik gabungan pasca PRU15, terutamanya di wilayah seperti Semenanjung, Sabah dan Sarawak, di mana dinamika politik dan konfigurasi kuasa berbeza daripada konteks nasional. Ini penting kerana pendekatan satu dimensi tidak lagi memadai untuk menilai struktur gabungan dalam masyarakat yang berbilang kaum dan berbilang wilayah.

Tambahan pula, kajian ini turut menilai keberkesanan konsep Malaysia MADANI yang diperkenalkan sebagai kerangka nilai bersama oleh kerajaan perpaduan. Ia bertujuan untuk mengukuhkan asas kerjasama dalam tadbir urus negara. Namun, pelaksanaannya masih bergelut dengan isu keselarasan dasar dan ketidaktentuan hala tuju dalam kalangan parti gabungan. Dalam hal ini, kajian ini menilai bukan sahaja struktur politik tetapi juga

tindak balas rakyat, kesedaran politik, serta persepsi terhadap keberkesanan kerajaan gabungan.

Sehubungan itu, kajian ini bukan sahaja menyumbang kepada literatur sedia ada mengenai sistem gabungan politik, tetapi turut memberikan panduan empirikal dan praktikal kepada pembuat dasar. Ini termasuk dalam usaha menyokong matlamat Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK-13), khususnya dari segi tadbir urus berasaskan inklusiviti, ketelusan dan kebertanggungjawaban. Dengan mendalami aspek sejarah, perundangan dan politik semasa, kajian ini menyediakan asas yang kukuh untuk pembangunan model gabungan politik baharu yang lebih stabil, berfungsi dan sejajar dengan kehendak rakyat dan sistem demokrasi moden.

#### **1.4 Keaslian Kajian**

Keaslian kajian ini terletak pada fokus dan konteksnya yang unik, iaitu menilai model politik gabungan dalam pembentukan Kerajaan Perpaduan pertama di Malaysia selepas situasi Parlimen tergantung pasca PRU15. Berbeza dengan kebanyakan kajian terdahulu yang banyak menilai struktur elit, kerangka perlembagaan atau sudut institusional semata-mata, kajian ini memberi perhatian khusus terhadap persepsi dan pengalaman langsung aktor politik yang terlibat secara langsung dalam proses pembentukan serta pelaksanaan kerajaan gabungan.

Namun, kajian terdahulu kurang memberi tumpuan kepada persepsi langsung daripada aktor politik akar umbi terhadap keberkesanan dan realiti pelaksanaan model gabungan selepas PRU15. Oleh itu, kajian ini menyumbang kepada pengisian jurang

literatur tempatan melalui pendekatan kualitatif yang menekankan sumber data primer. Temu bual mendalam bersama 31 tokoh politik dari pelbagai latar belakang negeri dan blok politik membolehkan pengkaji merakam strategi, naratif serta cabaran sebenar yang dihadapi oleh mereka dalam konteks gabungan politik pasca pilihan raya.

Tambahan pula, kajian ini mengaplikasikan kerangka Teori Pilihan Awam sebagai asas analitikal bagi menilai tindakan, kompromi dan motivasi rasional parti-parti politik dalam membentuk dan mengekalkan gabungan. Ini menjadikan pendekatan kajian bukan sahaja bersifat empirikal dan kontekstual, tetapi turut menawarkan sumbangan teoritikal yang komprehensif dan adaptif terhadap perbincangan semasa dalam sains politik Malaysia.

### **1.5 Objektif Kajian**

Berdasarkan pernyataan masalah yang dikemukakan, kajian ini bertujuan untuk meneliti gabungan parti politik dalam konteks kestabilan politik di Malaysia:

- i. Mengetahui faktor-faktor yang mendorong kewujudan gabungan parti politik yang berkesan bagi menjamin kestabilan politik dalam sistem demokrasi Malaysia.
- ii. Menilai keberkesanan model-model gabungan parti politik sedia ada termasuk kerajaan perpaduan dalam mengurus konflik kepentingan dan membentuk dasar bersama.
- iii. Mengembangkan model baru ke arah pembangunan model gabungan parti politik yang baru.

## 1.6 Persoalan Kajian

Berdasarkan kepada objektif kajian di atas, maka kajian ini meneliti persoalan-persoalan seperti berikut:

- i. Apakah faktor-faktor yang membawa kepada kewujudan gabungan parti politik untuk kestabilan politik di Malaysia?
- ii. Adakah model gabungan parti politik yang sedia ada sesuai untuk digunakan dalam amalan kerajaan perpaduan Malaysia?
- iii. Apakah komponen-komponen gabungan politik yang diperlukan dalam model gabungan parti politik di Malaysia?

Secara ringkasnya, objektif dan persoalan kajian bagi disertasi ini dirumuskan dalam Jadual 1.1.

Jadual 1.1 Ringkasan Objektif dan Persoalan Kajian

| <b>Objektif Kajian</b>  | <b>Persoalan Kajian</b>  |
|---|--|
| 1. Mengenal pasti faktor-faktor yang mendorong kewujudan gabungan parti politik yang berkesan bagi menjamin kestabilan politik dalam sistem demokrasi Malaysia. | 1. Apakah faktor-faktor yang membawa kepada kewujudan gabungan parti politik untuk kestabilan politik di Malaysia? |
| 2. Menilai keberkesanan model-model gabungan parti politik sedia ada  | 2. Adakah model gabungan parti politik yang sedia ada sesuai untuk   |

|   |  |
|---|--|
| termasuk kerajaan perpaduan dalam mengurus konflik kepentingan dan membentuk dasar bersama. | digunakan dalam amalan kerajaan perpaduan Malaysia?  |
| 3. Mengembangkan model baru ke arah pembangunan model gabungan parti politik yang baru.     | 3. Apakah komponen-komponen gabungan politik yang diperlukan dalam model gabungan parti politik di Malaysia? |

Jadual 1.1 menunjukkan ringkasan objektif kajian dan persoalan kajian. Objektif kajian pertama ialah mengenal pasti faktor penentu kewujudan gabungan parti politik untuk kestabilan politik. Objektif pertama mempunyai satu persoalan kajian iaitu apakah faktor-faktor yang membawa kepada kewujudan gabungan parti politik untuk kestabilan politik di Malaysia? Objektif kajian yang kedua ialah menilai keberkesanan model gabungan parti politik sedia ada terhadap gabungan parti politik di Malaysia. Objektif kedua mempunyai satu persoalan kajian iaitu adakah model gabungan parti politik yang sedia ada sesuai untuk digunakan dalam amalan kerajaan perpaduan Malaysia? Objektif kajian yang ketiga ialah mengembangkan model baru ke arah pembangunan model gabungan parti politik yang baru. Bagi objektif ini juga mempunyai satu persoalan kajian iaitu apakah komponen-komponen gabungan politik yang diperlukan dalam model gabungan parti politik di Malaysia?

## **1.7 Skop dan Batasan Kajian**

Kajian ini memfokuskan kepada model gabungan parti politik di Malaysia dengan penekanan terhadap faktor-faktor yang mempengaruhi kestabilan politik dan keberkesanan gabungan dalam memastikan kesatuan serta keseimbangan kuasa dalam arena politik negara. Pendekatan ini penting khususnya dalam konteks pasca PRU15 yang menyaksikan pembentukan Kerajaan Perpaduan pertama dalam sejarah negara.

Dalam kajian ini, Teori Pilihan Awam yang diperkenalkan oleh James M. Buchanan dan Gordon Tullock (1962) digunakan sebagai asas teori untuk memahami bagaimana parti-parti politik membuat keputusan dalam kerangka gabungan yang kompleks, sering melibatkan kepentingan bersilang, rundingan dan kompromi. Teori Pilihan Awam diaplikasikan sebagai kerangka analisis untuk meneliti rasional aktor politik dalam membuat keputusan, termasuk perundingan, kompromi dan strategi dominasi dalam struktur gabungan. Analisis ini memberi tumpuan kepada bagaimana pertimbangan terhadap kos dan manfaat mempengaruhi tindakan parti-parti politik sama ada untuk mengekalkan, meminda atau merombak struktur sedia ada bagi memastikan kelangsungan dan keberkesanan pentadbiran bersama.

### **1.7.1 Batasan Kajian**

Kajian ini memfokuskan kepada model politik gabungan di Malaysia dalam konteks Malaysia MADANI, dengan tumpuan khusus pada pembentukan struktur politik gabungan serta peranan parti-parti utama yang terlibat. Kajian ini dihadkan kepada peringkat nasional sahaja, tanpa mengambil kira dinamik politik

di peringkat negeri atau daerah. Bagi memastikan fokus kajian yang lebih tepat, kajian ini juga hanya meneliti tempoh politik semasa dalam beberapa tahun kebelakangan dan tidak memperincikan perubahan jangka panjang atau perkembangan masa depan dalam landskap politik Malaysia.

### **1.7.2 Batasan Analisis Kajian**

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang menumpukan pada analisis tematik bagi mengenal pasti pola dan tema utama dalam sistem politik gabungan di Malaysia. Analisis kandungan terhadap data sekunder seperti laporan rasmi, artikel jurnal dan ulasan pakar digunakan untuk memperoleh penemuan, selain beberapa kajian kepustakaan. Pendekatan ini membantu memberikan perspektif mendalam namun mungkin tidak merangkumi sepenuhnya kompleksiti dan dinamika politik gabungan serta cabaran sosial-politik yang berlaku di lapangan.

### **1.8 Kepentingan Kajian**

Kajian ini membawa kepentingan yang signifikan dalam menilai transformasi sistem politik Malaysia pasca PRU15, khususnya dalam konteks pembentukan kerajaan perpaduan dan kerangka Malaysia MADANI. Selaras dengan Matlamat Pembangunan Lestari ke-16 (SDG-16) yang menekankan pentingnya institusi yang berkesan, akauntabiliti dan inklusif untuk pembangunan yang lestari, kajian ini menelusuri bagaimana model gabungan politik dapat menyumbang kepada kestabilan politik serta memperkukuh mekanisme tadbir urus yang sedia ada. Ini sejajar dengan

usaha global ke arah pemerintahan yang lebih telus, responsif dan berorientasikan rakyat.

Selain itu, kepentingan kajian ini juga terserlah dalam usaha mengadaptasi pendekatan konsosionalisme ke dalam kerangka politik pelbagai etnik dan budaya di Malaysia. Dalam konteks politik yang semakin terpecah, terutamanya selepas beberapa krisis peralihan kuasa dan pembelotan parti, pendekatan ini berpotensi memperkenalkan struktur perkongsian kuasa yang lebih stabil dan mampu bertahan dalam sistem demokrasi berparlimen. Dengan menggali pengalaman pemimpin gabungan dari pelbagai wilayah termasuk Sabah dan Sarawak, kajian ini mengemukakan hujah empirikal tentang keperluan pendekatan inklusif yang menyeimbangkan autonomi wilayah dan kerjasama nasional (Lijphart, 1999; Chin, 2023).

Kajian ini turut memperkukuh hujah bahawa model gabungan rentas ideologi bukan sahaja menjadi realiti politik baharu di Malaysia, malah satu keperluan strategik untuk memastikan kestabilan jangka panjang. Malaysia MADANI sebagai dasar pentadbiran semasa memberikan kerangka nilai yang menekankan kesejahteraan, kemampanan, keyakinan, hormat dan ihsan. Kajian ini menilai keberkesanan nilai-nilai ini dalam menyatukan pelbagai parti dan pemimpin yang mempunyai latar belakang berbeza, serta menguji keserasian idealisme MADANI dengan realiti politik harian (Anwar Ibrahim, 2023; Pandian, 2023).

Dari sudut sosial, kajian ini penting dalam memahami potensi pendidikan politik yang bersifat menyeluruh sebagai alat meningkatkan literasi politik rakyat. Dengan pemahaman yang lebih mendalam, rakyat boleh berperanan lebih aktif dalam proses

demokrasi serta menjadi pengimbang kepada wacana politik yang terpolarisasi. Ini penting dalam usaha mengekang gejala ekstremisme politik dan meningkatkan semangat kewarganegaraan yang progresif (Welsh, 2018).

Seterusnya, dengan mendekati fenomena ini melalui perspektif akar umbi dan aktor politik yang terlibat secara langsung, kajian ini menambah kepada kekayaan literatur politik Malaysia yang masih kurang memberi fokus kepada gabungan rentas wilayah dan pelbagai parti. Dapatan daripada kajian ini boleh dijadikan asas penambahbaikan kepada dasar dan strategi pengurusan gabungan politik masa hadapan, termasuk cadangan penubuhan sekretariat tetap gabungan, piagam bersama, serta mekanisme rundingan berkala antara komponen parti.

Akhir sekali, kajian ini menyumbang secara langsung kepada penyediaan dasar bagi Rancangan Malaysia Ke-13 (RMKe-13), khususnya dalam merangka pendekatan tadbir urus yang lebih inklusif, stabil dan responsif terhadap realiti politik semasa. Penemuan kajian ini dapat dijadikan asas bagi memperkukuh struktur kerajaan campuran melalui pemeraksanaan mekanisme kerjasama antara parti, pemantapan institusi penyelarasan gabungan, serta pembangunan piagam dasar bersama yang lebih berkesan untuk kestabilan jangka panjang.

## **1.9 Sumbangan Kajian**

Kajian ini memberikan sumbangan penting dalam memperkukuh pemahaman terhadap model politik gabungan di Malaysia melalui penerapan perspektif teori Pilihan Awam. Pendekatan ini membantu menjelaskan logik di sebalik keputusan politik yang dibuat oleh individu dan parti dalam konteks kerjasama serta konflik

antara komponen gabungan. Melalui analisis yang terperinci, kajian ini turut memperkayakan literatur politik tempatan dengan penilaian mendalam terhadap faktor-faktor yang mendorong pembentukan, keberkesanan mahupun perpecahan dalam gabungan politik. Selain menjelaskan realiti politik Malaysia, penemuan daripada kajian ini juga berpotensi diaplikasikan dalam konteks negara lain yang mempunyai struktur politik majmuk dan sistem berparlimen yang serupa.

Dari segi aplikasi praktikal, hasil kajian ini menyediakan panduan berguna kepada pemimpin politik, pembuat dasar dan ahli akademik dalam membentuk struktur gabungan yang lebih kukuh dan berdaya tahan, berasaskan prinsip keberkesanan, perkongsian kuasa dan kepentingan bersama. Tumpuan khusus terhadap pola pembentukan gabungan, dinamika interaksi antara parti dan peranan kepimpinan dalam mengekalkan kesepaduan menambah nilai strategik kepada pembangunan dasar. Kajian ini juga menyumbang kepada usaha menyusun kerangka tadbir urus yang lebih stabil dalam menghadapi ketidaktentuan politik yang semakin kompleks.

Di samping itu, dapatan kajian ini memperkukuh pemahaman masyarakat tentang fungsi dan nilai politik gabungan yang inklusif. Ini berupaya meningkatkan keyakinan terhadap integriti proses politik serta memperlihatkan bagaimana sistem gabungan yang mapan boleh menyumbang kepada kestabilan, kemakmuran dan pembangunan negara secara holistik dan berterusan.

#### **1.10 Organisasi Tesis**

Penulisan tesis ini disusun dalam lima bab utama untuk memastikan perbincangan yang sistematik dan menyeluruh. Struktur ini bertujuan untuk memudahkan pembaca

memahami aliran logik penyelidikan serta bagaimana setiap bahagian menyumbang kepada pencapaian objektif kajian secara keseluruhan.

Bab Pertama merupakan bahagian pengenalan yang membincangkan latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, definisi operasional, skop serta batasan kajian. Selain itu, definisi konsep-konsep penting turut diberikan bagi mengelakkan kekeliruan dan memastikan keseragaman dalam interpretasi sepanjang kajian ini dijalankan. Bab ini berfungsi sebagai landasan utama yang menggariskan hala tuju penyelidikan serta memberikan justifikasi terhadap keperluan kajian ini dilaksanakan dalam konteks politik semasa negara.

Bab kedua mengemukakan sorotan literatur yang menghimpunkan kajian-kajian terdahulu berkaitan topik ini, di samping menilai secara kritikal pandangan pelbagai sarjana dan teori yang relevan. Fokus utama bab ini ialah kepada pendekatan dan perbahasan berkaitan model gabungan politik, aspek kestabilan kerajaan serta perubahan sistem politik dalam kerangka demokrasi berparlimen. Selain itu, bab ini juga menampilkan perbandingan amalan gabungan politik di Malaysia dengan konteks serantau, khususnya di Indonesia dan Thailand bagi melihat perbezaan pendekatan institusional, cabaran pelaksanaan serta tahap keberkesanan gabungan dalam sistem politik masing-masing. Menerusi analisis literatur ini, pengkaji telah mengenal pasti beberapa jurang pengetahuan yang masih kurang diterokai, khususnya berkaitan persepsi dan strategi dalaman aktor politik akar umbi terhadap model gabungan

Bab ketiga memberikan tumpuan kepada metodologi penyelidikan yang digunakan. Ia menerangkan secara terperinci reka bentuk penyelidikan, pendekatan

yang digunakan (pendekatan kualitatif), kaedah pengumpulan data seperti temu bual mendalam (IDI) dan perbincangan kumpulan fokus (FGD) serta proses analisis data. Penekanan diberikan kepada aspek kebolehpercayaan dan kestabilan dapatan dengan justifikasi mengapa pendekatan kualitatif dipilih sebagai kaedah terbaik untuk menjawab persoalan kajian yang bersifat kontekstual dan mendalam.

Sementara itu, Bab Keempat membentangkan dapatan kajian secara sistematik berdasarkan data empirikal yang telah dikumpul dan dianalisis. Bahagian ini disusun mengikut tema-tema utama yang muncul daripada temu bual dan perbincangan kumpulan fokus, seterusnya dihuraikan secara kritikal dan reflektif. Analisis yang dijalankan bukan sahaja merungkai persoalan kajian, malah turut memperkukuh pemahaman terhadap struktur dalaman dan cabaran struktur gabungan politik dalam konteks Malaysia pasca PRU-15.

Akhir sekali, bab Kelima merupakan bab penutup yang merumuskan keseluruhan dapatan kajian. Bab ini membincangkan implikasi kajian terhadap teori dan amalan dalam bidang sains politik, khususnya dalam membina model gabungan yang berkesan dan lestari di Malaysia. Ia juga mengetengahkan cadangan dasar yang boleh dipertimbangkan oleh pembuat polisi serta mencadangkan arah tuju penyelidikan lanjutan pada masa hadapan. Bab ini berfungsi sebagai refleksi menyeluruh terhadap proses penyelidikan dan menyimpulkan sumbangan utama kajian ini kepada bidang yang diterokai.

## **1.11 Kesimpulan**

Secara keseluruhan, kajian ini menyumbang secara signifikan terhadap usaha memperkayakan literasi politik masyarakat, di samping membina institusi yang lebih mantap dalam mendukung pembangunan negara. Dengan mengkaji dan memahami faktor-faktor yang menyumbang kepada kejayaan model gabungan politik di Malaysia, kajian ini juga dapat memperkukuh asas politik yang lebih stabil dan responsif terhadap kehendak masyarakat. Kewujudan model gabungan yang inklusif dan mampan dapat menjadi asas penting dalam menjamin keamanan serta kestabilan negara, terutamanya dalam konteks politik yang semakin kompleks dan dinamik.

Di samping itu, dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa penambahbaikan terhadap model politik gabungan yang ada adalah penting dalam memastikan ia terus relevan dengan perubahan demografi, ekonomi dan sosial yang berlaku di Malaysia. Dengan memperkuat literasi politik serta kesedaran sosial di kalangan rakyat, kajian ini memberikan peluang untuk membentuk masa depan negara yang lebih stabil dan harmonis.

Dalam jangka panjang, kesatuan politik dan sosial ini akan menjadi pemangkin kepada pembentukan masyarakat Malaysia yang lebih progresif, aman dan bersatu. Kajian ini bukan sahaja menawarkan sumbangan kepada pemahaman akademik tetapi juga kepada pembangunan institusi yang lebih mantap dan berkesan. Integrasi politik dan sosial yang diperjuangkan melalui model gabungan ini memastikan Malaysia terus berada di landasan yang tepat untuk mencapai kesejahteraan dan kemajuan yang menyeluruh, lantas menjamin masa depan yang cerah dan berkekalan bagi semua rakyat Malaysia.

## **BAB 2**

### **KAJIAN LITERATUR**

#### **2.1 Pendahuluan**

Bab ini bertujuan untuk meneroka dan menganalisis model gabungan politik dalam sistem politik Malaysia berdasarkan pandangan sarjana serta dapatan kajian terdahulu. Meskipun topik ini telah mendapat perhatian meluas dalam kalangan pengkaji, kebanyakan kajian masih tertumpu kepada aspek struktur elit dan dimensi institusi seperti perlembagaan, undang-undang dan sistem pilihan raya. Namun, terdapat kekurangan dari segi perhatian terhadap persepsi langsung aktor politik di peringkat akar umbi, khususnya berkenaan keberkesanan dan realiti pelaksanaan model gabungan pasca PRU15. Selain itu, walaupun terdapat perbincangan mengenai sistem pelbagai parti dan pembentukan kerajaan campuran, masih kurang kajian yang meneliti secara mendalam evolusi gabungan politik rentas ideologi yang melangkaui batas kaum, agama dan wilayah. Justeru, bab ini mengupas secara kritikal pelbagai pendekatan teoritikal dan kajian terdahulu yang berkaitan dengan pembentukan, keberkesanan serta cabaran model gabungan politik di Malaysia dalam konteks semasa.

#### **2.2 Kerangka Awal Sistem Politik Malaysia**

Kerangka awal sistem politik Malaysia banyak dipengaruhi oleh acuan penjajahan British yang menekankan prinsip hierarki etnik serta kawalan terhadap pembentukan institusi politik tempatan. Semenjak penubuhan UMNO pada 1946 sebagai respons terhadap penolakan Malayan Union, struktur politik negara mula dibentuk melalui

persefahaman antara elit Melayu dengan penjajah British. UMNO kemudiannya menjalin kerjasama dengan MCA dan MIC, yang membawa kepada pembentukan Parti Perikatan dan kemenangan besar dalam pilihan raya 1955. Gabungan ini menunjukkan keupayaan awal permuafakatan politik sebagai strategi untuk mendapatkan sokongan rentas kaum sebelum kemerdekaan dicapai pada tahun 1957 (Cheah, 2012; Hack & Blackburn, 2012).

Namun begitu, sistem politik yang dibina turut mengekalkan banyak elemen kolonial antaranya melalui pemusatan kuasa dalam tangan eksekutif, kebergantungan kepada undang-undang kawalan seperti Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA 1960) dan penggunaan birokrasi sebagai alat kelangsungan kuasa parti pemerintah (Crouch, 1996; Lee, 2007). Selepas merdeka, UMNO dan rakan gabungannya dalam Barisan Nasional meneruskan legasi penjajahan dengan menstruktur sistem pilihan raya, persempadanan semula kawasan pilihan raya, serta memperkukuh pengaruh melalui jentera kerajaan dan dasar afirmatif yang memihak kepada kaum majoriti (Lim, 2002; Beh, 2011).

Dominasi Barisan Nasional selama beberapa dekad dapat difahami sebagai kesinambungan daripada model politik warisan kolonial yang dibangunkan untuk mengekalkan kestabilan melalui kawalan elit dan integrasi minimum antara kaum. Peranan institusi seperti Suruhanjaya Pilihan Raya, birokrasi awam dan media milik negara telah digunakan secara berkesan untuk memastikan keutuhan sistem satu parti dominan. Walaupun sistem ini berjaya menjamin kestabilan politik pada peringkat awal, ia juga telah menimbulkan isu ketidakseimbangan kuasa, penyisihan politik dan ketegangan etnik yang berpanjangan, khususnya apabila parti pemerintah gagal melakukan reformasi menyeluruh terhadap struktur politik pascakolonial.

### **2.2.1 Sejarah Politik Gabungan di Malaysia**

Evolusi politik gabungan di Malaysia telah melalui beberapa fasa penting sejak kemerdekaan. Bermula dengan Perikatan pada tahun 1957 yang menggabungkan UMNO, MCA dan MIC, gabungan ini kemudiannya diperluas menjadi Barisan Nasional (BN) pada 1973. Dominasi BN berterusan selama lebih enam dekad sehingga kemunculan cabaran serius oleh pembangkang melalui Angkatan Perpaduan Ummah (APU) dan Gagasan Rakyat (GR) pada 1990, diikuti Barisan Alternatif (BA) pada 1999 dan Pakatan Rakyat (PR) pada 2008 (Case, 1996; Welsh, 2022).

Perubahan paling dramatik berlaku pada Pilihan Raya Umum ke-14 (9 Mei 2018), apabila Pakatan Harapan (PH) berjaya menamatkan pemerintahan BN. Namun, selepas hanya 22 bulan, kerajaan PH berakhir pada Februari 2020 berikutan peristiwa Langkah Sheraton yang menyaksikan pengunduran Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) dan pelantikan Tan Sri Muhyiddin Yassin sebagai Perdana Menteri melalui gabungan baharu, Perikatan Nasional (PN) (Ufen, 2020; Gomez et al., 2020).

PRU15 yang berlangsung pada 19 November 2022 tidak memberikan mandat majoriti kepada mana-mana blok utama, sekali gus mencetuskan situasi parlimen tergantung buat kali pertama. Kerajaan perpaduan yang dibentuk selepas rundingan membabitkan PH, BN, GPS, GRS dan beberapa parti kecil mencerminkan transformasi baharu dalam sejarah politik gabungan negara dari dominasi satu parti kepada struktur rentas pakatan (Wong, 2023).

### **2.3 Evolusi Sejarah Politik Gabungan di Malaysia (1955–2022)**

Sejarah politik gabungan di Malaysia memperlihatkan evolusi yang signifikan sejak Pilihan Raya Umum pertama pada 27 Julai 1955 apabila Parti Perikatan menerusi gabungan UMNO, MCA dan MIC membentuk kerajaan dan meletakkan asas kepada amalan politik gabungan sebagai strategi pembentukan kerajaan dalam masyarakat majmuk. Perikatan kemudiannya berkembang menjadi Barisan Nasional (BN) pada tahun 1973, menghimpunkan parti-parti dari Sabah dan Sarawak serta menjadi simbol kestabilan politik selama lebih enam dekad.

Bagaimanapun, sejak 1990, muncul gabungan pembangkang seperti Angkatan Perpaduan Ummah (APU) dan Gagasan Rakyat (GR) yang mencabar dominasi BN, diikuti Barisan Alternatif (1999), Pakatan Rakyat (2008) dan Pakatan Harapan (2015), yang semakin tersusun dari segi naratif dan penyusunan dasar bersama (Case, 1993; Chin, 2023).

Kejayaan PH dalam PRU14 pada Mei 2018 telah menamatkan era BN dan mencetuskan era politik baharu, namun kerajaan PH tumbang selepas 22 bulan berikutan Langkah Sheraton (2020) yang membawa kepada pembentukan kerajaan Perikatan Nasional (PN), diikuti oleh pentadbiran BN-PN dan seterusnya kerajaan perpaduan selepas PRU15 pada November 2022 (Faezal, 2020). Seperti yang diujahkan oleh Welsh (2022), kerajaan perpaduan pasca PRU15 mencerminkan bentuk kompromi pragmatik antara blok-blok politik yang dahulunya bertanding secara sengit, tetapi kini dipaksa bekerjasama demi kestabilan negara.